



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

University Publication Centre (UPENA)

# Voice of Academia

*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*

**VOA**  
Volume 11 (1)2016



**TABLE OF CONTENT**

**Comparison of Customers' Perception On Service Quality Between Conventional and Islamic Bank**

Mohd Radzi Mohd Khir,  
Mohamed Samsudeen  
Sajahan

---

**Vokal Schwa Dalam Kata Pinjaman Bahasa Arab**

Ahmad Fauzi Yahaya,  
Syahirah Almuddin,  
Mohd Zulkhari Abd Hamid

---

**Survey on the Satisfaction of Municipal Services**

Zaherawati Zakaria

---

**Perceived Organizational Support (POS) and the Career Success among Academician in Malaysian Universities**

Siti Meriam Ali,  
Mohd Rizaimy Shaharudin

---


**Working Sector and Participation Relationship: Rukun Tetangga Activities In Northern State of Malaysia**

Ahmad Zaharuddin Sani  
Ahmad Sabri Ahmad,  
Noor Afifah Mohammad,  
Roziya Abu

---

**Kitchen Electrical Appliances Design: Does it influence to the Consumer Lifestyle?**

Mohd Hamidi Adha Mohd  
Amin,  
Mohamad Hariri Abdullah



**ACADEMIC SERIES COMMITTEE  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KEDAH**

**Editor-in-Chief**

Mahazir Ismail(Dr.)  
Mohd Rizaimy Shaharudin (Dr.)

**Managing Editor**

Siti Natasha Binti Mohd Yatim

**Field Editor Journal VOA**

**Name**

Mohamad Faizal Bin Ab Jabal  
Dr. Wan Adibah Wan Ismail

Etty Harniza Harun

Aishah Musa

Fadila Binti Mohd Yusof

Dalili Izni binti Shafie

Dr. Hafizah Besar Saaid

Dr. Azhari Md Hashim

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher

Syakirah Mohammed

Zetty Harisha Harun

Robekhhah Harun

Siti Aisyah Yusof

Dr. Rosidah Ahmad

PM Dr. Nik Ramli Nik Abdul Rashid

Dr. Roziyah Abu

Azmir Bin Mamat Nawi

Syahrini Shawalludin

**Field/Subject**

Image Extraction, Segmentation, Recognition

Accounting - financial reporting, corporate  
governance and auditing

International Business

Language Editor

Art & Design / Social Science

Human Resource Management

Management, Health Services Management, Office

Management and Technology, Organizational

Behavior, Biomedical ethics/bioethics/Islamic  
bioethics

Art & Humanities, Design Interaction / Visual  
Communications

Pengajian Islam, Usuluddin, Syariah, Perbankan Islam

TESL/ TESOL/ESL

Language Editor

TESL/ TESOL/ESL

Pendidikan Islam, Al-quran dan Hadis, Tamadun  
Islam,

Sains dan Teknologi Islam, Psikologi Islam

Educational Technology, Educational Mathematics &  
Operation research

Marketing/Corporate Environmental Management

Rural Library, Community & Rural Development,

Community & Rural Empowerment, PR in Library &  
Information Resource Centre, Library & IRC Product/

service Marketing & Promotion

Art & Design / Social Science

Graphic Designer




Copyright © 2015 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Kedah and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor. Printed by Perpustakaan Sultan Badlishah, Universiti Teknologi MARA, Kedah.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.



## Vokal Schwa Dalam Kata Pinjaman Bahasa Arab

<sup>1</sup>Ahmad Fauzi Yahaya  
Department of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Kedah,  
08400 Merbok,  
Kedah, Malaysia  
Email: fauzi559@kedah.uitm.edu.my

<sup>2</sup>Syahirah Almuddin  
Faculty of Languages & Linguistics  
University of Malaya  
Kuala Lumpur, Malaysia  
Email: syahirahalmuddin@gmail.com

<sup>3</sup>Mohd Zulkhari Abd Hamid  
Department of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Kedah,  
08400 Merbok,  
Kedah, Malaysia  
Email: mzulkhairi@kedah.uitm.edu.my

### *Abstrak*

Kajian “ Perubahan Vokal dan Konsonan Kata Pinjaman Bahasa Arab” ini membincangkan perubahan dari aspek fonologi dan morfologi yang berlaku terhadap perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab. Dalam peminjaman kata pinjaman asing, persoalan yang selalu timbul ialah sama ada perkataan tersebut dipinjam secara keseluruhannya dengan membuat penyesuaian ejaan, atau mengambil sebahagian sahaja dan disesuaikan dengan pola yang ada dalam bahasa sasaran di samping penyesuaian fonologi. Jadi, kajian ini berhasrat untuk memenuhi dua tujuan utama, iaitu mengenal pasti perubahan yang berlaku terhadap bunyi vokal dan konsonan yang tidak terdapat dalam bahasa Arab dan menganalisis proses yang berlaku dalam penyesuaian fonologi dan morfologi perkataan pinjaman tersebut.

Data bahasa Arab diperoleh dari kamus bahasa Arab “al-Mu‘jam al-Wasit”. Manakala perkataan bahasa Inggeris diperoleh dari kamus bahasa Inggeris “Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English. Sebanyak 10 perkataan telah dipilih dan

dianalisis, dengan ditranskripsi dan dianalisis perubahan yang berlaku dari bahasa sumber iaitu bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab, dari aspek penukaran bunyi dan perubahan dari segi morfologi. Kajian mendapati kebanyakan perubahan berlaku pada bunyi asing disesuaikan dengan mengambil bunyi-bunyi yang paling hampir dari aspek sifat bunyi dan daerah artikulasi.

## **1.0 Pendahuluan**

Dalam proses perkembangan bahasa, suatu bahasa tidak dapat lari daripada menerima kata-kata asing yang kemudian diambil menjadi sebahagian dari kosa kata bahasa tersebut. Bahasa Inggeris yang merupakan bahasa global sekalipun, tidak terlepas daripada menyerap kata bahasa Yunani, Latin, Perancis, dan bahasa-bahasa lain (Syahirah, 2012).

Dunia tanpa sempadan memberikan laluan kepada pengaliran maklumat yang melimpah-limpah kepada semua bangsa di dunia ini, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Malah, sebahagian besar ilmu ini disebarikan menggunakan bahasa Inggeris sehinggakan bahasa Inggeris diberikan keutamaan di kebanyakan negara di dunia, termasuk di Negara Timur Tengah. Ekoran perkembangan ini, ribuan istilah baru telah digunakan dan perkara ini menuntut penguasaan kita dalam bahasa Inggeris.

## **2.0 Penyataan masalah**

Hasil pertembungan bahasa dan pinjaman leksikal khasnya yang bersabit dengan usaha pembinaan dan perancangan bahasa, sesuatu bahasa akan terdorong untuk meminjam perkataan-perkataan atau istilah-istilah daripada bahasa yang lain (Syahirah, 2012).

Dalam peminjaman perkataan asing, persoalan yang selalu timbul ialah sama ada perkataan tersebut dipinjam secara keseluruhannya dengan membuat penyesuaian ejaan, atau mengambil sebahagian sahaja dan disesuaikan dengan pola yang ada dalam bahasa sasaran di samping penyesuaian fonologi (Syahirah, 2012). Weinreich (1957:1) menjelaskan bahawa penyesuaian fonologi istilah pinjaman melibatkan “cara seseorang penutur menerima dan menghasilkan bunyi-bunyi asing sesuatu bahasa di dalam bahasanya”. Justeru itu, kajian ini berusaha untuk menghuraikan dan merumuskan beberapa ciri tertentu yang terdapat dalam penyesuaian fonologi dan morfologi perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab dan ingin melihat sejauh manakah penyesuaian ini mengikut ciri atau sistem bahasa Arab itu sendiri.

## **3.0 Objektif Kajian**

Kajian ini berhasrat untuk memenuhi dua tujuan utama mengenai penyesuaian fonologi dan morfologi perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab, iaitu:

- (1) Mengenal pasti perubahan yang berlaku terhadap bunyi vokal dan konsonan yang tidak terdapat dalam bahasa Arab.
- (2) Menganalisis proses yang berlaku dalam penyesuaian fonologi dan morfologi perkataan pinjaman bahasa Arab.

#### 4.0 Persoalan Kajian

Kajian ini dibuat bagi menjawab soalan-soalan berikut:

- 1) Apakah perubahan yang berlaku terhadap bunyi vokal dan konsonan dalam istilah pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab?
- 2) Bagaimanakah penyesuaian fonologi dan morfologi istilah pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab berlaku?

#### 5.0 Batasan Kajian

Kajian ini meneliti dan membahaskan perkataan-perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab dari aspek fonologi dan morfologi. Kajian aspek fonologi membincangkan perubahan-perubahan yang berlaku pada bunyi vokal schwa [ə], bunyi vokal depan luas [æ] dan bunyi konsonan hentian bibir tidak bersuara [p] semasa digunakan dalam pelbagai keadaan sama ada di awal, tengah dan akhir perkataan. Bunyi-bunyi ini dipilih kerana bunyi ini tidak terdapat di dalam sistem fonologi bahasa Arab. Manakala kajian dari aspek morfologi pula menganalisis perubahan morfologi yang berlaku di dalam penyesuaian pola perkataan pinjaman bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab. Setiap perkataan bahasa Arab mengandungi pola kata tersendiri yang disebut sebagai wazan sorfi.

Perkataan pinjaman yang akan dianalisis keseluruhannya adalah melibatkan istilah sains yang diambil daripada kamus iaitu al-Mu‘jam al-Wasit. Perkataan ini dikenal pasti dengan melihat kepada simbol yang terdapat pada perkataan tersebut. Simbol-simbol tersebut ialah (د), (ع) dan (ج). Simbol (د) merujuk kepada perkataan al-Dakhil iaitu perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab tanpa sebarang perubahan, simbol (ع) pula merujuk kepada perkataan al-Mu‘arrab iaitu perkataan asing yang telah diubah oleh orang Arab dengan cara pengguguran, penambahan atau penggantian bunyi. Manakala simbol (ج) pula merujuk kepada perkataan yang telah ditetapkan oleh Dewan Bahasa Arab (ديبَرَعْلَاةٌ لِّلْعَمِّجَم). Perkataan bahasa sumber yang dikenalpasti sebagai perkataan yang dipinjam, dirujuk daripada kamus bahasa Inggeris “Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English”, bagi memastikan ketepatan ejaan dan sebutan untuk dianalisis dari bahasa sumber kepada bahasa yang meminjam dari aspek perubahan bunyi. Penumpuan kajian adalah kepada perkataan yang mempunyai bunyi vokal dan konsonan yang tidak terdapat dalam bahasa Arab iaitu bunyi vokal schwa [ə], vokal depan luas [æ] dan bunyi konsonan hentian bibir tidak bersuara [p].

## 6.0 Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melibatkan data yang dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif.

### 6.1 Prosedur Kajian

Kajian ini dibuat dengan mengeluarkan perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang dipinjam yang terdapat dalam kamus Al-Mu‘jam Al-Wasit. Perkataan-perkataan ini merupakan istilah dari bidang sains dan teknologi. Perkataan-perkataan ini akan dianalisis dengan melihat analisis perubahan yang berlaku dari bahasa sumber iaitu bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab dari aspek penukaran bunyi dan perubahan dari segi morfologi.

### 6.2 Data Kajian

Sebanyak 10 perkataan telah dipilih sebagai data kajian. Data ini berpandukan data-data yang diperolehi daripada kamus bahasa Arab yang sinonim dalam bidang pengajian bahasa Arab iaitu al-Mu‘jam al-Wasit. Data-data yang terlibat ialah perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab yang keseluruhannya terdiri dari perkataan moden.

### 6.3 Analisis Data

Data akan dianalisis dengan melihat kepada proses penyesuaian fonologi dan perubahan morfologi yang berlaku dalam istilah pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Arab. Analisis adalah berdasarkan perubahan bunyi dan perubahan bentuk sesuatu perkataan mengikut tiga proses fonologi yang utama. Sama ada sesuatu perkataan itu mengalami proses penggantian bunyi, pengguguran atau penambahan bunyi.

## 7.0 Tinjauan Kajian Berkaitan

Beberapa kajian yang berkaitan dengan tajuk ini telah dijalankan. Penulisan yang berkaitan dengan peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab telah dibuat sama ada melalui penulisan buku-buku secara umum, penulisan buku-buku secara khusus, penulisan tesis dan penulisan jurnal. Namun begitu, kajian tentang penyesuaian fonologi dan morfologi istilah pinjaman dalam bahasa Arab setakat ini belum lagi dibuat secara khusus.

Terdapat satu kajian yang mengkaji aspek fonologi istilah pinjaman bahasa Inggeris di dalam bahasa Melayu oleh penutur-penutur asli bahasa Melayu. Kajian ini telah dibuat oleh Tan Joo Seng (1991). Menurut Puteri Roslina (2005), as-



pek-aspek fonologi ini berhubung rapat juga dengan isu klasifikasi pinjaman, iaitu asimilasi lengkap, separa asimilasi, dan tanpa asimilasi termasuklah bentuk ortografi yang merangkumi diftong serta vokal. Contoh kajian yang lain, iaitu kajian yang dibuat oleh Ghazali Othman (1973) dalam peristilahan bahasa Melayu. Beliau telah menyentuh pembentukan kata pinjaman yang memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu. Kajian ini mendapati bahawa kosa kata bahasa Melayu dapat dikembangkan melalui pelbagai cara dan salah satu caranya ialah melalui peminjaman kata.

### 8.0 Analisis Data

Analisis ini akan dibuat berdasarkan dua peringkat utama. Peringkat pertama, data akan dianalisis dengan melihat perubahan secara fizikal iaitu melihat sebutan dan pembahagian suku kata. Keduanya, data ini akan dianalisis dengan melihat perubahan-perubahan bunyi yang berlaku. Perkataan-perkataan yang terlibat adalah seperti berikut:

BIL.	BAHASA INGGERIS	BAHASA ARAB	PERUBAHAN
1.	<i>Adrenalin</i> /ʔə/ /dre/ /nə/ /lɪn/ /kv/ /kkv/ /kv/ /kvk/	أَدْرَيْنَلِين /ʔad/ /ri:/ /na:/ /li:n/ /kvk/ /kv:/ /kv:/ /kv:k/	ə → [a] e → [i]
2.	<i>Aluminium</i> /ʔæ/ /lɪjə/ /ˈmɪn/ /iəm/ /kv/ /kkv/ /kvk/ /vk/	أَلْمُونِيَم /ʔa/ /lu:/ /min/ /ju:m/ /kv/ /kv:/ /kvk/ /kvk/	æ → [a] ə → [a] iə → [u]
3.	<i>Ampere</i> /ʔæm/ /peə(r)/ /kvk/ /kvk /	أَمْبِير /ʔam/ /bi:r/ /kvk/ /kv:k/	æ → [a] p → [b] eə → [i]
4.	<i>Antartic</i> /ʔæn/ /tɑ:k/ /tɪk/ /kvk/ /kv:k/ /kvk/	أَنْتَارْتِيكَا ʔan/ /tɑ:/ /rak/ /ti/ /ka:/ /kvk/ /kv:/ /kvk/ /kv/ /kv/	æ → [a]
5.	<i>Aristocracy</i> /ʔæ/ /rɪs/ /tɒk/ /rə/ /si/ /kv/ /kvk/ /kvk/ /kvk/	أَرِسْتَقْرَاطِيَّة /a/ /ris/ /tuq/ /ra:/ /tʰi/ /yah/ /kv/ /kvk/ /kvk/ /kv:/ /kv//kvk/	æ → [a] ɒ → [u] ə → [a]

BIL.	BAHASA INGGERIS	BAHASA ARAB	PERUBAHAN
6.	<i>Penicillin</i> /pe/ /nə/ /si/ /lɪn/ /kv/ /kv/ /kv/ /kvk/	بنسلين /bi/ /ni/ /si/ /li:n/ /kv/ /kv/ /kv/ /kv:k/	[p] → [b] [e] → [i] [ə] → [i]
7.	<i>Petrol</i> /pet/ /rəl/ /kvk/ /kvk/	بتروئول /bat/ /ru:l/ /kvk/ /kv:k/	[p] → [b] [e] → [a] [ə] → [u]
8.	<i>Platinum</i> /plæ/ /tu/ /nəm/ /kkv/ /kv/ /kvk/	بلاتين /ba/ /la:/ /ti:n/ /kv/ /kv:/ /kv:k/	[p] → [b] [æ] → [a] [pɪ] → [bala]
9.	<i>Plasma</i> /plæz/ /mə/ /kkvk/ /kv/	بلازما /ba/ /la:z/ /ma:/ /kv/ /kv:k/ /kv:/	[p] → [b] [pɪ] → [bala] [æ] → [a] [ə] → [i]
10.	<i>Pottasium</i> /pə/ /tæ/ /si/ /əm/ /kv/ /kv/ /kv/ /kv/	پوتاسيوم /bu:/ /ta:/ /si/ /ju:m/ /kv:/ /kv:/ /kv/ /kv:k/	[p] → [b] [ə] → [u] [æ] → [a] [ə] → [u] [iə] → [iu]

## B

Berdasarkan jadual di atas, kita dapat lihat beberapa pola perubahan yang berlaku. Antaranya:

- 1) Perubahan bunyi vokal tengah [ə] kepada bunyi vokal tengah luas [a]

Hal ini berlaku pada kesemua bunyi vokal tengah [ə] kecuali pada tiga tempat. Pada perkataan Penicillin bunyi [ə] berubah kepada bunyi vokal depan sempit [i]. Manakala pada perkataan Petrol dan Potassium berubah menjadi bunyi vokal belakang sempit [u]. Jika diteliti, ketiga-tiga keadaan ini dipengaruhi oleh ejaan asal perkataan tersebut. Yang masing-masing diwakili oleh fonem /i/ dan fonem /o/.

- 2) Perubahan bunyi vokal depan luas [æ] kepada bunyi vokal tengah luas [a]  
Perubahan ini berlaku kepada semua bunyi vokal depan luas [æ]. Hal ini kerana bunyi vokal depan luas [æ] diwakili oleh vokal tengah luas [a] di dalam ejaan perkataan.

- 3) Perubahan bunyi konsonan hentian bibir tidak bersuara [p] kepada bunyi hentian bibir bersuara [b].

Perubahan ini berlaku kepada semua bunyi hentian bibir tidak bersuara [p]. Hal ini kerana bunyi hentian bibir tidak bersuara [p] tidak terdapat dalam sistem bunyi bahasa Arab. Jadi, bunyi ini digantikan dengan bunyi yang sama makhrajnya iaitu bunyi hentian bibir [b].

4) Berlaku penambahan vokal tengah luas [a] selepas bunyi [b] bagi memisahkan dua bunyi konsonan yang datang serentak .

Perubahan ini berlaku pada perkataan plasma dan platinum bagi memisahkan dua bunyi konsonan yang hadir serentak iaitu bunyi [p] dan [l] dalam bahasa asal dan [b] dan bunyi [l] dalam bahasa Arab. Suku kata bahasa Arab tidak boleh hadir dengan dua bunyi konsonan serentak.

Hakikatnya, semua perubahan yang berlaku di dalam bahasa Arab disebabkan bunyi bahasa Inggeris tersebut tidak terdapat dalam sistem fonologi bahasa Arab. Jadi penyelesaian yang terbaik adalah mencari bunyi yang paling hampir dan sama makhrajnya dalam bahasa Arab.

## 9.0 Perbincangan

Secara keseluruhannya kajian ini melibatkan tiga aspek utama kajian iaitu fonologi, morfologi dan perkataan pinjaman. Rumusan kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Kajian ini mendapati, perkataan-perkataan pinjaman yang terlibat merupakan perkataan-perkataan moden melibatkan perkataan dalam bidang sains dan teknologi.
- 2) Hasil penelitian terhadap data kajian yang dikumpul, terdapat tiga bentuk perubahan yang utama iaitu ciri penggantian bunyi, pemisahan gugusan konsonan, penambahan bunyi vokal.
- 3) Perubahan yang berlaku lebih menjurus kepada penyesuaian fonologi. Penyesuaian yang berlaku melibatkan penyesuaian pada bunyi vokal dan bunyi konsonan. Ciri penyesuaian fonologi yang paling kerap berlaku ialah pada bunyi vokal. Perubahan pada bunyi vokal ini berlaku kerana perbezaan variasi bunyi vokal di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab.
- 4) Kajian ini juga mendapati terdapat fenomena yang tidak ada di dalam sistem bahasa Arab iaitu proses gugusan konsonan. Proses ini memperlihatkan kehadiran dua bunyi konsonan wujud serentak. Fenomena gugusan konsonan pada asalnya tidak ada di dalam bahasa Arab.
- 5) Hasil dapatan juga mendapati, perkataan bahasa Inggeris sebenarnya mesti dimulakan dengan bunyi konsonan walaupun pada ejaannya dimulakan dengan bu-

nyi vokal. Setiap perkataan yang dimulakan dengan huruf vokal di dalam bahasa Inggeris sebenarnya wujud unsur glotis. Manakala perkataan bahasa Arab dimulai dengan bunyi konsonan. Penulis berpendapat, ejaan tidak menunjukkan cara sebutan yang tepat.

6) Hasil penelitian terhadap data kajian, penulis mendapati perubahan pada aspek bunyi tetap berlaku iaitu dengan menggunakan bunyi yang sama atau hampir sama di dalam bahasa Arab. Jika bahasa asing itu tidak dapat disesuaikan makhrajnya ke dalam bahasa Arab, maka ia perlu diubah sekurang-kurangnya kepada sesuatu makhraj yang paling hampir dengan makhraj Arab.

### **10.0 Cadangan**

Beberapa cadangan atau beberapa langkah dapat diambil bagi mengisi kekosongan yang terdapat di dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- 1) Kajian seterusnya boleh dibuat dengan menambah aspek etimologi kata.
- 2) Kajian ini juga dapat diperincikan dengan mengumpulkan data dari sumber-sumber yang terkini seperti internet, suratkhbar dan sumber elektronik yang lain.
- 3) Kajian lanjutan dari aspek semantik juga boleh dilakukan dengan membuat perbandingan di antara bahasa asal dengan bahasa yang meminjam.

### **11.0 Penutup**

Secara umumnya, tidak ada peraturan tertentu yang boleh dibuat melalui perubahan bunyi pada bunyi vokal. Tetapi satu peraturan boleh dibuat pada bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p] di dalam bahasa Inggeris. Kesemua bunyi ini telah digantikan dengan bunyi hentian dua bibir bersuara [b] di dalam bahasa Arab. Namun begitu, sebagai panduan umum, kita boleh mengatakan bahawa, mana-mana kelainan bunyi yang wujud di dalam bahasa Inggeris akan disesuaikan dengan bunyi yang paling hampir dari pada sifat bunyi yang sedia ada di dalam bahasa Arab. Sifat bunyi yang paling hampir akan digunakan terlebih dahulu di dalam menentukan cara pengambilan perkataan pinjaman.

## **Bibliografi**

- Abduh al-Rajihy. (1984). *Al-Tatbiq al-Sarfi*. Iskandariyah : Dar al-Ma`rifat al-Jam`iyyat.
- Abdul Rauf Bin Haji Hassan. (2002). *Peminjaman Bahasa Asing Dalam Kamus Al-Misbah al-Munir*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (1979). *Penterjemahan dan Penciptaan Istilah Saintifik dalam Asmah Haji Omar (Penyunting)*. Aspek Penterjemahan dan Interpretasi. Kuala Lumpur: Pusat Bahasa Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am. Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Adrian Akmajian et al. (2002). *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. Diterjemah oleh Aishah Mahdi dan Azizah Hussien. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad al-Hamalawiyy. (2008). *Shadha Al-'Arf Fi Fann al-Sarf*. Kaherah : Dar al-Fadilah Li al-Nasyri Wa al-Tauzi `.
- Ahmad Mukhtar `Umar. (2006). *Dirasah al-Sawt al-Lughawiyy*. Kaherah : `Alim al-Kitab.
- Ahmad Taymur. (2003). *Asrar al-`Arabiyyah*. Dar al-Afaq al-`Arabiyyat.
- Al-Ghalayiniy, Mustafa. (1997). *Jami' al-Durus al-Arabiyyat*. Beirut: al-Maktabat al-'Asriyyat.
- Al-Ghamidiy, Mansur Muhammad. (2000). *Al-Sawtiyyat al-`Arabiyyat*. Maktabah al-Taubat, Al-Riyad: Mamlakat al-`Arabiyyat al-Su`udiat.
- Al-Hamalawiyy Ahmad. (1977). *Kitab Shadha:l Al-'Arf Fi Fann al-Sarf*. Al-Azhar: Al-Jihaz al-Markaz li al-Kutub al-Jam`iyyat.
- Al-Hijazy Mahmud Fahmiy. (1998). *Al-Lughah al-`Arabiyyah Fi al-`Asr al-Hadith*. Kaherah: Dar al-Qaba` Li al-Tiba`ah Wa al-Nasyr Wal-Tawzi`. Al-Jawaliqiy, Abu Mansur. (1990). *Al-Mu`arrab Min al-Kalam al-A`jamiy `Ala huruf al-Mu`jam*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Mu`jam al-'Arabiyy Al-Asasi. (1988). *al-Munazzamat al-'Arabiyyat al-*

## Tarbiyyat Wa Thaqa'at Wa al-'Ulum.

- Amat Juhari Moain. (1992). Peminjaman Kata Istilah Daripada Bahasa Asing. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Anas Maulana Nuryadi. (2004). Kata Nama Bahasa Arab dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrastif. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar (ed.). (2006). Bahasa Mah Meri. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Azahari Muhamed Ali. (2000). Morfem-morfem Dalam Kata Kerja Bahasa Arab:Ciri-ciri dan Makna Leksikalnya. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Ayman Amin 'Abdul Ghaniy. (2000). Al-Sarf al-Kafiy. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Bloomfield, L.: (1992). Bahasa. Alias Mahpol dll (tr), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal, David. (2008). A Dictionary Of Linguistics And Phonetics. 6th edition. Cambridge, MA: Basil Blackwell.
- Farid M. Onn. (1998). Konsep-konsep Dasar Teori Generatif dalam Nik Safiah Karim (Penyuting). Linguistik Transformasi Generatif: Satu Penerapan Pada Bahasa Melayu. 169-180.
- Hornby, Albert Sydney. (2006). Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English 7th ed. London: Oxford University Press.
- Ibrahim Mahmud Khalil. (2007). Fi al-Lisaniyyatt Wa Nahw al-Nass. Oman: Dar al-Masirat Li al-Nasyri Wa al-Tauzi' Wa al-Tiba'ah.
- Ibrahim Madkur. (1990). al-Mu'jam al Wasit . Istambul: Dar al-Da'wat.
- Indirawati Zahid dan Mardian Shah Omar. (2006). Fonetik dan Fonologi. Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan 4th ed. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kridalaksana, Harimurti. (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit Gramedia.
- Kridalaksana, Harimurti. (1996). *Pembentukan Kata Dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Gramedia.
- Kridalaksana, Harimurti. (2007). *Pembentukan Kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: PT.Gramedia Pustaka Utama.
- Lutfi Abas. (1992). *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Malmkjaer, Kirsten. (1991). *The linguistics encyclopedia*. London : Routledge.
- Mohd. Zaki Abd. Rahman. (2007). *Asimilasi dan Disimilasi Dalam Bahasa Arab*. *Jurnal Teknologi*, 46 (E) Jun 2007: 85-98.
- Mohd Zaki Abd. Rahman. (2001). *Huruf Bahasa Arab: Nilai dan Kegunaannya*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Mohd Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-ciri Bahasa Arab Fonetik, Morfologi dan Sintaksis*. Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Rosdi Ismail. (2003). *Formula Bahasa Arab Mikro Binaan Kata & Fungsi Makna*. Kota Bharu, Kelantan : Percetakan Darul Naim.
- Mohd Shafien Othman. (2008). *Penguasaan al-i'la:l dan al-ibda:l dikalangan pelajar-pelajar peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) : satu kajian kes*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Rahmat Sato. (1998). *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Ridhwan Manisi 'Abdullah. (2007). *al-Fikr al-Lughawiyy 'inda al-'Arab Fi Dhaw'i ' ilm al-Lughat al-Hadith*. Kaherah : Dar al-Nashar.
- Fromkin, Victoria et. al. (2002). *An Introduction To Language 7th ed*. United State: Wadsworth.
- Syahirah Almuddin. (2012). *Analisis Morfo-fonologi Perkataan Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Arab*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian

Bahasa Moden, Fakultas Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Wan Ibrahim Bin Haji Wan Mamat. (1995). Pembentukan Kata Pinjaman Dalam Bahasa Arab. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakultas Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Zainab Ahmad. (1983). Morfofonem Untuk Kata Pinjaman: Satu Rumusan Awal. Dalam Dewan Bahasa. 27(8): 546-561.



